

مسلمين MÜSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama

**MAC
2022M**
Rejab - Sya'ban 1443H
Tahun 34 • Bil 3



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah



BERITA UTAMA

**BERKENAN BERANGKAT
MEMBUAT LAWATAN TIDAK
BERJADUAL KE PUSAT
DA'WAH ISLAMIAH**

» 3

Perbaiki Sistem Bantu
Pemuliharaan Kubur

6

Menghidupkan Malam Nisfu
Sya'ban dengan Kegiatan
Keagamaan

7

Penyampaian Tauliah
kepada Amil-amil

8

Penanaman Pokok dan
Pembersihan Kawasan
Persekitaran Bangunan KHEU

10

25 Peserta Layak Mara Ke
Peringkat Akhir

12

Penerimaan Sumbangan
bagi Projek Fathul
Barakah 3.0

13

Musababah Membaca
Al-Qur'an bagi Lelaki dan
Perempuan yang Berumur
40 Tahun Ke Atas

14

8 Ketua Keluarga Muallaf
Menerima Bantuan

15

Wujudkan Skim Latihan
Da'ie untuk Memperkasa
Kualiti Da'ie-da'ie

20



5

Pelancaran Projek Hidroponik

Memperkenalkan dan mendidik pelajar mengenai pertanian yang mampan, selaras dengan seruan global untuk melaksanakan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals).



9

Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi KDYMM bagi Warga KHEU

Diagihkan kepada pegawai dan kakitangan KHEU melalui jabatan, bahagian dan unit masing-masing.



11

KHEU Bertahlil Di Kubah Makam Diraja

Seramai lebih 200 orang warga KHEU menghadiri majlis tersebut. Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja ini merupakan sebahagian daripada kegiatan keagamaan KHEU.

Zikir Harian

يا حي يا قيوم

Yaa Hayyu yaa Qayyum

Wahai yang sentiasa hidup
dan sentiasa kekal

FADHILATNYA:

Kehidupan
akan sentiasa
dipelihara oleh
Allah Subhanahu
wa Ta'ala

KELEBIHAN MALAM NISFU SYA'BAN

| Lidah Pengarang |



Bulan Sya'ban adalah salah satu bulan yang mempunyai keistimewaan kerana dalam bulan ini terdapat satu malam yang dikenali sebagai Nisfu Sya'ban. Malam Nisfu Sya'ban merupakan salah satu malam yang penuh berkat, rahmat dan doa dimakbulkan. Berkat Imam asy-Syafi'e dalam kitabnya Al-Um: Telah sampai kepada kami bahawa dikatakan sesungguhnya doa dikabulkan pada lima malam iaitu pada malam Jumaat, malam Hari Raya Aidiladha, malam Hari Raya Fitrah, malam pertama di bulan Rejab dan malam nisfu Sya'ban. Oleh itu hidupkan malam-malam tersebut dengan berzikir, membaca al-Qur'an dan lain-lain amalan untuk mendapatkan rahmat dan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 152 yang mafhumnya:

Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan ta'at) nescaya Aku akan mengingati kamu. Dan bersyukurlah kepada-Ku (dengan taat mengerjakan suruhan-Ku) dan janganlah kamu mengingkari-Ku (dengan berbuat derhaka dan ma'siat).

Bulan Sya'ban adalah antara bulan yang disukai oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam. Kerana di dalam bulan inilah, baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam memperbanyakkan puasa sunat berbanding dengan bulan-bulan yang lain. Sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi yang maksudnya:

Daripada 'Aisyah Radhiallahu 'anha dia telah berkata: Aku tidak pernah melihat Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam berpuasa sebulan penuh kecuali pada bulan Ramadhan dan aku tidak pernah melihat baginda berpuasa sunat dalam sebulan lebih banyak daripada puasanya di bulan Sya'ban.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah mencontohi apa yang dilakukan oleh baginda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam dengan memperbanyakkan puasa sunat, membaca al-Qur'an, berdoa, berzikir, bertaubat, beristigfar, bersedekah dan seumpamanya. Di samping mengerjakan amal ibadat dan kebajikan, ia juga merupakan suatu latihan rohani bagi mempersiapkan diri menyambut dan mengagungkan bulan Ramadhan al-Mubarak.

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **PENOLONG PENASIHAT:** Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran] • **PENYELARAS:** Azizah binti Hidup • Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliha bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabillah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

BERKENAN BERANGKAT MEMBUAT LAWATAN TIDAK BERJADUAL KE PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Oleh : Azizah Hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa berkenan berangkat membuat lawatan tidak berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah.

PULAIE, Khamis, 21 Sya'ban 1443H bersamaan 24 Mac 2022M – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan lawatan tidak berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Mohamed Riza bin Dato Paduka Haji Mohamed Yunos, Setiausaha Tetap Perkhidmatan Awam,

Kesejahteraan, Antarabangsa dan Media, Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Baginda memulakan lawatan dengan keberangkatan ke Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah dan seterusnya berkenan mengurniakan titah. » 4 ms.



LAWATAN dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan doa selamat yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.



BAGINDA Sultan berkenan dijunjung bagi menandatangani lembaran kenangan keberangkatan.

«3 ms. Kemudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan sesi dialog bersama para da'ie (pendakwah) di Negara Brunei Darussalam.

Lawatan dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Selesai sesi dialog, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian berkenan menandatangani lembaran kenangan, dan seterusnya berangkat melihat secara lebih dekat Kursus Skim Bimbingan Asas Muallaf yang sedang dijalankan di Bilik Serbaguna, Pusat Da'wah Islamiah.

Sebelum mengakhiri lawatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berinteraksi dengan para da'ie dan warga Pusat Da'wah Islamiah. ■



BERKENAN berinteraksi dengan para da'ie dan warga Pusat Da'wah Islamiah.



BERKENAN berangkat melihat secara lebih dekat Kursus Skim Bimbingan Asas Muallaf yang sedang dijalankan di Bilik Serbaguna, PDI.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar ramai bersama para da'ie dan warga Pusat Da'wah Islamiah.

PELANCARAN PROJEK HIDROPONIK

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, semasa meninjau hasil Projek 'One School, One Farm' daripada pelajar-pelajar yang terlibat dalam projek tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 5 Sya'ban bersamaan 8 Mac – Penghasilan pertanian melalui tanaman hidroponik sangat bersesuaian untuk dicontohi hatta dalam skala kecil-kecilan di kawasan rumah. Cara ini mungkin dapat mendorong kemahuan menjadikannya sebagai usaha pertanian yang berjaya.

Sehubungan itu, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang sedia dengan Program Pengupayaan Asnaf Zakatnya (PROPAZ) juga bersedia untuk menimbangkan bantuan modal bagi projek pertanian seumpama yang dilancarkan ini kepada asnaf zakat yang mahu dan bersungguh-sungguh berusaha untuk meningkatkan taraf hidupnya dan keluarganya.

Perkara itu ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman ketika berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Projek 'One School, One Farm' Mempromosikan Cara Hidup Yang Mampan, yang berlangsung di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMRIPAHS).

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Berhormat juga menyatakan bahawa projek 'One School, One Farm' adalah contoh yang baik dan sesuai menjadi projek yang dapat dibuat dan dijayakan oleh para pelajar, khasnya pelajar daripada keluarga asnaf zakat.

Projek 'One School, One Farm' merupakan projek yang diungkuhkan oleh para peserta Program Perkembangan Eksekutif Pegawai-pegawai Peringkat Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-32 dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Ke arah itu, Yang Berhormat juga berharap kumpulan peserta EDPMMO yang menghasilkan projek ini bersama pelbagai pihak berkenaan yang berkepentingan

yang telah mendukungnya akan melihat kemungkinan bekerjasama dengan pihak SUAMRIPAHS khasnya dan sekolah-sekolah lain yang bersesuaian akan meneruskan banyak lagi projek yang seumpama ini.

Pada majlis pelancaran tersebut, Yang Berhormat turut menyempurnakan penyerahan sebanyak lima set hidroponik kepada SUAMRIPAHS.

Objektif projek adalah untuk memperkenalkan dan mendidik pelajar mengenai pertanian yang mampan, selaras dengan seruan global untuk melaksanakan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (Sustainable Development Goals), khususnya daripada aspek jaminan makanan (food security).

Selain itu, projek tersebut juga sebagai titik permulaan bagi merealisasikan program 'One School, One Farm' dalam mempromosikan gaya hidup yang mampan, sejajar dengan prinsip Maqashid Syari'ah dan menanam minat dalam kalangan pelajar terhadap keusahawanan untuk mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035.

Seramai 20 pelajar SUAMRIPAHS yang mempunyai minat dalam bidang pertanian hidroponik terpilih untuk mengikuti latihan selama enam bulan sebagai salah satu aktiviti kokurikulum mereka.

Latihan tersebut diharapkan akan dapat menanamkan semangat keusahawanan para pelajar melalui penjualan pelbagai hasil tanaman hidroponik.

Majlis pelancaran tersebut turut memuatkan sesi perkongsian maklumat dan demonstrasi mengenai pertanian mampan menggunakan pelbagai bahan terpakai (D.I.Y) daripada para penuntut dari Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE). ■

PERBAIKI SISTEM BANTU PEMULIHARAAN KUBUR

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 28 Rejab bersamaan 1 Mac

— Penyelenggaraan sistem teknologi maklumat untuk kemaslahatan orang ramai agar tanah perkuburan orang Islam dijalankan dengan bersistem telah dibincangkan pada Majlis Permesyuaratan ke-18 Majlis Mesyuarat Negara yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy mencadangkan penambahbaikan, membolehkan maklumat tanah perkuburan dapat diakses secara menggunakan sistem teknologi maklumat dan wakaf dan pengurusan seperti mempelawa orang ramai menyumbangkan lampu-lampu solar, memperbaiki akses laluan serta pembersihan tanah-tanah perkuburan.

Mengulas perkara itu, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menjelaskan bahawa terdapat satu bahagian di bahagian urus tadbir yang ditugaskan untuk menangani perkara tersebut.

Yang Berhormat Pehin juga mengakui sistem berkenaan perlu ditingkatkan dan akan melihat lebih dekat lagi untuk difikirkan bagi pemuliharaan kubur dan *In syaa Allah* akan dapat disempurnakan dengan sebaik-baiknya agar kemaslahatan orang ramai dapat dipenuhi dengan baik dan sempurna.

Sementara itu, mengulas cadangan supaya memohon (kepada pihak kerajaan Arab Saudi) penambahan kuota haji kepada 2,000, Yang Berhormat Pehin menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai 400 kuota sahaja, akan tetapi selama empat tahun berturut-turut telah meningkat daripada 400 hingga 1,000 kuota.

Ini adalah hasil dari kebijaksanaan rundingan yang telah dibuat sebelum ini. "Alhamdulillah pihak kerajaan Arab Saudi telah mempertimbangkannya. Walaubagaimana pun Negara Brunei Darussalam terus berharap ianya dapat ditingkatkan lagi di masa akan datang," ujar beliau. ■



GAMBAR Hiasan

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri permesyuaratan MMN.

MENGHIDUPKAN MALAM NISFU SYA'BAN DENGAN KEGIATAN KEAGAMAAN



HADIR di Masjid Omar 'Ali Saifuddien selaku tetamu khas ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Oleh : Dahlan Chuchu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 Sya'ban bersamaan 17 Mac

— Malam Nisfu Sya'ban merupakan salah satu malam yang penuh berkat, rahmat dan doa dimakbulkan. Dengan kelebihan dan keberkatan yang terdapat pada malam ini, umat Islam adalah digalakkan untuk menghidupkannya dengan memperbanyakkan amal ibadah dan zikir untuk mendapatkan rahmat dan keredhaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sehubungan itu, bagi menghidupkan malam Nisfu Sya'ban di negara ini, acara Sembahyang Fardhu Maghrib dan Isya' Berjemaah, Membaca Surah Yasin dan Doa Khas sempena Nisfu Sya'ban tahun 1443 Hijrah telah diadakan di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Acara tersebut diisi dengan bacaan surah Yasin sebanyak tiga kali selepas sembahyang Fardhu Maghrib, dengan memohon kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* agar dipanjangkan umur dengan beramal ibadah kepada-Nya, dan memohon agar dijauhkan daripada bala bencana serta memohon agar dimudahkan rezeki yang halal lagi bermanfaat.

Hadir di Masjid Omar 'Ali Saifuddien selaku tetamu khas ialah Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Turut hadir ialah pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) serta jemaah masjid. ■



PENYAMPAIAN TAULIAH KEPADA AMIL-AMIL

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



YANG Berhormat Ketua Hakim Syar'ie semasa menyampaikan sijil tauliah amil kepada amil-amil yang dilantik.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai tetamu kehormat dan menyampaikan sijil tauliah amil.



TIMBALAN Setiausaha Tetap KHEU selaku Ahli MUIB menyerahkan sijil tauliah kepada salah seorang amil yang dilantik bagi Daerah Temburong.



RA'ES KUPU SB menyampaikan sijil tauliah kepada salah seorang amil yang dilantik bagi Daerah Belait.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 26 Sya'ban bersamaan 29 Mac. – Majlis Ugama Islam melalui Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Majlis Penyampaian Tauliah Amil Zakat Fitrah dan Zakat Harta kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1443–1444 Hijrah bersamaan 2022–2023 Masihi serentak di keempat-empat daerah pagi ini.

Sehubungan itu, bagi Daerah Brunei dan Muara, Majlis tersebut telah diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis.

Hadir sebagai tetamu kehormat majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan sijil tauliah amil ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Sementara itu, majlis yang sama juga diadakan di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil tauliah kepada amil-amil ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat / Yang Amat Arif Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, selaku ahli MUIB.

Di Daerah Belait pula, majlis berlangsung di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait dan sijil tauliah disampaikan oleh Raes Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr Haji Adanan bin Haji Basar, selaku ahli MUIB.

Manakala di Daerah Tutong, sijil tauliah amil disampaikan oleh Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku ahli MUIB di Masjid Hassanul Bolkiah, Pekan Tutong.

Di Daerah Temburong majlis diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar dan disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang, selaku ahli MUIB.

Tempat-tempat pengutipan dan pembayaran zakat dilakukan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, rumah-rumah amil (terdiri daripada Ketua-ketua Kampong yang berkenaan), di pejabat Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam, Daerah Brunei dan Muara serta cawangan-cawangan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

PENGAGIHAN KURMA KURNIA PERIBADI KDYMM BAGI WARGA KHEU

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyerahkan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia kepada Ketua-ketua Jabatan di bawah KHEU untuk diagihkan kepada pegawai dan kakitangan KHEU melalui jabatan, bahagian dan unit masing-masing.



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 16 Sya'ban bersamaan 19 Mac. – Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Ketua-ketua Jabatan di bawah KHEU untuk diagihkan kepada pegawai dan kakitangan KHEU melalui jabatan, bahagian dan unit masing-masing.

Pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyerahkan Kurma Kurnia Peribadi

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada Ketua-ketua Jabatan di bawah KHEU untuk diagihkan kepada pegawai dan kakitangan KHEU melalui jabatan, bahagian dan unit masing-masing.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah, diikuti dengan Majlis Penyerahan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



PENANAMAN POKOK DAN PEMBERSIHAN KAWASAN PERSEKITARAN BANGUNAN KHEU

Oleh : Azizah Hidup

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 Sya'ban bersamaan 20 Mac –

Ke arah mendukung dan mencapai sasaran negara dalam melaksanakan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam, (BNCCP) Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan majlis penanaman pokok dan gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran bangunan kementerian di Jalan Dewan Majlis

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan diikuti dengan ucapan daripada Pengerusi Majlis, Yang Mulia Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri, Pemangku Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sejurus itu, penanaman pokok dimulakan oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama. Ini kemudian diikuti oleh penanaman pokok oleh Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Awang Haji Mohd Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Sejurus itu, acara bergotong-royong dimulakan bagi membersihkan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyempurnakan penanaman pokok di perkarangan bangunan kementerian.



PENGIRAN Dato Seri Paduka Haji Bahrom turut hadir dalam majlis Penanaman Pokok Dan Pembersihan Kawasan KHEU.

kawasan bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Penanaman pokok merupakan antara garispanduan Protokol Hijau ke arah mengurangkan jejak karbon dan pelepasan gas-gas rumah hijau di premis-premis Perkhidmatan Awam. Usaha seumpama ini diharapkan akan dapat meningkatkan kesedaran terhadap perubahan iklim dan kepentingan melestarikan alam sekitar di kalangan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■



ANTARA yang turut serta dalam majlis Penanaman Pokok dan Pembersihan Kawasan KHEU.



KHEU BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah Haji Awang Abdul Ghani



YANG Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin hadir pada majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja bersama warga KHEU.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 Sya'ban bersamaan 24 Mac –

Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja khusus bagi Ayahanda dan Bonda serta Anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yasin beramai-ramai dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mustafa

bin Haji Murad, Imam Tingkat I, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan kemudian diikuti dengan Tahlil dan bacaan Doa Arwah.

Seramai lebih 200 orang warga Kementerian Hal Ehwal Ugama menghadiri majlis tersebut. Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja ini merupakan sebahagian daripada kegiatan keagamaan Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■



ANTARA pegawai dan kakitangan KHEU yang turut hadir di majlis bertahlil di Kubah Makam Diraja.

25 PESERTA LAYAK MARA KE PERINGKAT AKHIR



PENGIRAN Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat.

Oleh : Dyg. Hayatun Syakirah
Haji Awang Abdul Ghani

Peringkat akhir musabaqah berkenaan yang berlangsung semalam telah menyaksikan 25 orang peserta bertanding dalam lima kategori yang dibukakan.

Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya merupakan acara tahunan yang dikendalikan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS dan Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

lanya bertujuan untuk menggalakkan umat Islam di negara ini supaya berjinak-jinak mencintai al-Qur'an melalui hafazan, terutama di kalangan kanak-kanak, murid-murid dan remaja. Musabaqah ini juga dihasrat untuk membolehkan peserta membaca dan memahami al-Qur'an dengan sempurna tanpa perlu melihat kitab suci al-Qur'an, di samping menjadikan budaya membaca al-Qur'an sebagai satu kebiasaan dan amalan hidup seharian. Usaha ini juga diharap akan dapat menambahkan lagi golongan penghafaz al-Qur'an di Negara Brunei Darussalam. ■

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Sya'ban bersamaan 30 Mac – Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an berserta Pemahamannya Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1442 Hijrah yang berlangsung selama tiga hari berturut-turut berakhir dengan pengumuman 25 peserta yang mara ke peringkat akhir. Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil kepada Peserta dan Hakim musabaqah tersebut diadakan petang ini di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

memperdengarkan hafazan serta menguji pemahaman masing-masing semasa musabaqah yang telah berlangsung semalam. Kemudian tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada para peserta dan hakim Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1443 Hijrah. Keputusan musabaqah akan diumumkan pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1443 Hijrah yang akan diadakan pada bulan Ramadhan yang akan datang ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis diawali dengan bacaan surah al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pelaksana Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan 1443 Hijrah, Awang Zul Husni bin Haji Sulaiman.

Seterusnya majlis diserikan dengan tayangan rakaman peserta



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan sijil kepada peserta yang layak ke peringkat akhir.

PENERIMAAN SUMBANGAN BAGI PROJEK FATHUL BARAKAH 3.0

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



PENERIMAAN sumbangan bagi Projek Fathul Barakah 3.0 di Pusat Da'wah Islamiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 Sya'ban bersamaan 5 Mac — Kementerian Hal Ehwal Ugama menerusi Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama persatuan-persatuan muallaf seluruh negara telah mengadakan Projek Fathul Barakah 3.0, untuk memberi peluang kepada orang ramai memberikan infaq jariah berupa keperluan asasi kepada asnaf muallaf yang memerlukan sebelum tibanya bulan Ramadhan 1443 Hijrah.

Projek tersebut telah berjalan selama dua hari bermula 5 dan 6 Mac, jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang, secara serentak di Pusat Da'wah Islamiah, Kampung Pulaie dan pejabat-pejabat Unit Da'wah di Daerah Belait, Tutong dan Temburong. Penerimaan sumbangan telah dijalankan secara pandu lalu di Pusat Da'wah Islamiah dan Unit Da'wah daerah-daerah tersebut.

Barangan sumbangan yang diterima seperti beras, gula, minyak masak, tepung, udang atau pusu kering, bawang, biskut, makanan dalam tin dan barang keperluan asasi yang lain. Sepanjang dua hari penerimaan sumbangan serentak di PDI, Kampung Pulaie dan Pejabat-pejabat Unit Da'wah di Daerah Belait, Tutong dan Temburong, pihak pengendali program melahirkan penghargaan terima kasih atas sifat dermawan dan sumbangan yang dihulurkan.

Tujuan utama projek ini diadakan adalah bagi sama-sama mengungayahkan kerja-kerja berkebajikan untuk kesejahteraan para muallaf di Negara Brunei Darussalam, di samping mengeratkan hubungan ukhuwwah antara persatuan-persatuan muallaf seluruh negara dengan Pusat Da'wah Islamiah.

Program tersebut juga sebagai satu *da'wah bil mal* dalam memeduli perkembangan kehidupan, kebajikan serta penghayatan agama Islam asnaf muallaf di negara ini agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna, lebih-lebih lagi menjelang bulan Ramadhan yang akan tiba. ■

MUSABAQAH MEMBACA AL-QUR'AN BAGI LELAKI DAN PEREMPUAN YANG BERUMUR 40 TAHUN KE ATAS

Oleh : Dahlan Chuchu



AWANG Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat.

BELAIT, Selasa, 12 Sya'ban bersamaan 15 Mac – Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait telah menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Qur'an bagi Lelaki dan Perempuan yang Berumur 40 Tahun Ke Atas bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 tahun. Musabaqah berlangsung selama dua hari, iaitu 14 dan 15 Mac di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait. Seramai 19 qari dan 12 qariah telah mengikuti musabaqah tersebut.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada pemenang ialah Yang Mulia Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di Musabaqah tersebut Awang Haji Abd Rahman bin Haji Abd Manaf dengan memperoleh markah 90.5 peratus dan Dayang Hajah Norzilwatul

Fadhilah binti Haji Puteh memperoleh markah 88 peratus telah berjaya menjadi johan qari dan qariah. Manakala tempat kedua diraih oleh Awang Haji Sudirman bin Haji Metussin, dan Dayang Husna binti Basuri. Di tempat ketiga dimenangi oleh Awang Haji Junaidi bin Haji Sabtu dan Dayang Haji Amidah binti Ghafar

Antara tujuan musabaqah ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat para peserta dalam seni pembacaan al-Qur'an secara berlagu serta meningkatkan lagi kualiti pembacaan para peserta ke tahap yang terbaik. Dengan menyertai musabaqah ini diharap akan dapat memupuk semangat suka membaca al-Qur'an di kalangan peserta dan seterusnya menghayati isi kandungan al-Qur'an agar dapat disemai di dalam kehidupan beragama, berbangsa dan bernegara. Selain itu, musabaqah ini juga dihasrat untuk menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum. ■



JUARA musabaqah bagi kategori lelaki, Haji Abdul Rahman dengan memperoleh markah 90.5 peratus ketika memperdengarkan bacaan al-Qur'an.

8 KETUA KELUARGA MUALLAF MENERIMA BANTUAN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah menyampaikan bantuan keperluan harian kepada penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 MAC – Lapan ketua keluarga muallaf di Kampung Bengkurong, Kampung Masin, Kampung Sinarubai dan Kampung Bebuloh, Daerah Brunei dan Muara telah menerima bantuan di bawah projek Fathul Barakah 3.0 yang diteruskan lagi.

Penyerahan bantuan tersebut disempurnakan oleh Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh. Turut hadir pada acara tersebut ialah Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, PDI, Dr Hajah Rohanita binti Haji Yaakub dan Yang Di-Pertua Persatuan Nurul Islam, Haji Hazwan bin Abdullah.

Acara penyerahan berkenaan dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah dan doa oleh pegawai PDI dan seterusnya rombongan bergerak ke rumah-rumah penerima. Bantuan yang diberikan adalah keperluan harian berupa makanan asasi sumbangan daripada orang ramai. Terdahulu, kutipan bagi sumbangan tersebut telah diadakan secara pandu lalu secara serentak di keempat-empat daerah pada 5 dan 6 Mac yang lalu.

Turut disertakan penyerahan sebuah poster tarbiyah kolaborasi bersama Bahagian Kajian dan Penerbitan, PDI. Projek Fathul Barakah 3.0 merupakan inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui PDI dengan kerjasama persatuan-persatuan muallaf seluruh negara, yang bertujuan untuk membantu meringankan beban kehidupan para muallaf di negara ini.

Selain mengukuhkan lagi silaturrahim di antara muallaf di negara ini dengan warga PDI, projek ini juga dihasrat akan dapat memberikan semangat kepada para muallaf untuk melaksanakan ibadah dengan selesa, terutama sekali bagi menyambut kedatangan bulan Ramadhan. ■



إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعْدَ إِيمَانِهِمْ ثُمَّ أَزْدَادُوا كُفْرًا لَنْ تُقْبَلَ تَوْبَتُهُمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الضَّالُّونَ ﴿٩٠﴾

Mafhumnya:

Sesungguhnya orang-orang yang kafir sesudah mereka beriman kemudian bertambah lagi kekafiran mereka, sekali-kali tidak akan diterima taubat mereka dan mereka itulah orang-orang yang sesat.


Surah Aali-'Imraan ayat 90

Majlis Pengislaman
MAC
2022



STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2022



Features

DIVINE MAHABBAH

Love of Allah, for Allah,
by Allah, With Allah

Sharifah Khadijah Husien Alkaff

to Allah Subhanahu wa Ta'ala with heart-felt desires and sincere enthusiasm gets his reward according to the depth of his feelings for His Lord.

In a hadits by Abu Daud, narrated from Abu Umamah that the Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam said:

Verily Allah Subhanahu wa Ta'ala has said: "Among the things through which My bondsman strives to gain access unto Me the most precious in My sight are the obligatory duties. My bondsman further draws closer to me through supererogatory prayers till I begin to love him, and, when I love him, I become the ear with which he hears, the eye with which he sees, the arm by which he defends himself and the leg on which he moves. When he beseeches Me for anything I grant it to him and when he seeks My refuge I, verily, give him refuge. (Narrated by al-Bukhari)

If anyone loves for Allah's sake, hates for Allah's sake, gives for Allah's sake and withholds for Allah's sake, he will have perfect faith.

(Continue from previous)

iii) The Shortest Route To Our Destination

Having love for Allah Subhanahu wa Ta'ala is in fact the shortest way to reach Allah. The Sufis have a saying: People who rely on their intention walk but people who rely on their love fly. A lover of Allah who transcends his self with the wings of love and reaches his Lord has the veils of the Unseen lifted before him one after the other. He walks by the command of God and stops by His command. When he speaks he does so by the inspirations coming from Him, and when he keeps silent, he does so in His name. Sometimes he is on a journey toward Him, sometimes he is in 'His company,' and sometimes he is occupied with communicating His messages to others. Hence there is a hadits in which Allah Subhanahu wa Ta'ala has been quoted to say:

...and, when I love him [My Bondsman], I become the ear with which he hears, the eye with which he sees, the arm by which he defends himself and the leg on which he moves. One who turns

Zunnoon Misri said: Cultivate love for Allah. He will make you independent of all people. The sign of fear for Allah is abandonment of prohibitions. The sign of hope is constancy in ibadat. The sign of love is enthusiasm and repentance and loving Allah Subhanahu wa Ta'ala means that one remembers Him.

(iv) Remembrance of Allah Subhanahu wa Ta'ala – Zikrullah

The actions of those who remember Allah much are multiplied by Allah Subhanahu wa Ta'ala because they are in a state of presence of Allah and their hearts are purified by this. The moral rectitude they are in makes their actions more pure.

In a hadits by Ibn Majah, narrated from Abu Darda that the Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam said to his companions:

"Shall I not tell you the best of your deeds, the most pleasing to your Sovereign, those that raise you most in status, that are better for you than your gold and silver, and meeting your enemy (in battle) and you strike their necks and they strike your necks?" They said: "Of course." They said: "What is that, O Messenger of Allah?" He said: "Remembering Allah (Dzikr)."

In a hadits qudsi by al-Bukhari, narrated from Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu that the Prophet Shallallahu 'alaihi wa sallam said, Allah Subhanahu wa Ta'ala says:

"I am just as My slave thinks I am, (i.e. I am able to do for him what he thinks I can do for him) and I am with him if He remembers Me. If he remembers Me in himself, I too remember him in Myself; if he remembers Me in a group of people, I remember him in a group that is better than they; if he comes one span nearer to Me, I go one cubit nearer to him; and if he comes one cubit nearer to Me, I go a distance of two outstretched arms nearer to him; and if he comes to Me walking, I go to him running."

Amalan-Amalan Sunat Bulan Sya'ban

1 Puasa sunat

Bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam lebih gemar berpuasa sunat dalam bulan Sya'ban berbanding dengan bulan-bulan yang lain.

2 Bertaubat

Diriwayatkan daripada Umamah Al-Bahili Radhiyallahu 'anhu, dia berkata: Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: "Manakala masuk bulan Sya'ban, sucikanlah dirimu dan perbaiki niatmu"

3 Doa, Zikir dan Selawat

Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda: "Barangsiapa yang mengagungkan bulan Sya'ban, bertaqwa kepada Allah, taat kepada-Nya serta menahan diri daripada perbuatan maksiat, maka Allah Subhanahu wa Ta'ala mengampuni semua dosanya dan menyelamatkannya di dalam tahun itu daripada segala macam bencana dan penyakit."



أَسْمَاءُ الْأَبْنَاءِ
NAMA ANAK
LAKI-LAKI

Basim Dzul Waqar

باسم ذو الوقار

Gembira, Tersenyum,
Yang Mempunyai
Kesopanan, Kehebatan

Basyar Irsyad

بشار إرشاد

Pembawa Berita Baik,
Panduan, Petunjuk

Burhan Mutammim

برهان متمم

Hujjah yang Jelas,
Bukti, Keterangan, Yang
Menyempurnakan

Nama-Nama

BISAI

untuk anak
damit



Allah Subhanahu wa Ta'ala
berfirman yang mafhumnya:

"Panggillah anak-anak angkat
itu (dengan berbinkan) kepada
bapa-bapa mereka sendiri, itu
yang lebih adil di sisi Allah..."

(Surah al-Ahzab ayat 5)



أَسْمَاءُ الْبَنَاتِ
NAMA ANAK
BINI-BINI

Badi'ah Multazimah

بديعة ملتزمة

Yang Indah, Kreatif,
Yang Berpegang Teguh
Kepada Sesuatu

Barizah Fikriyyah

بارزة فكرية

Yang Zahir,
Yang Berketerampilan,
Kepandaian, Kebijaksanaan

Basysyasyah 'Aqilah

بشاشة عاقلة

Muka yang Ceria,
Yang Berakal,
Perempuan Baik-baik



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA

SAMBUTAN AWAL TAHUN
BARU HIJRAH 1439



'Pengajaran Hijrah'

"Pengajaran hijrah yang sebenar-benarnya, untuk menyelamatkan dan menguatkan aqidah kita.

Adapun cara menyelamatkan dan menguatkan aqidah itu ialah dengan amal salih. Amal salihlah tuntutan tertinggi untuk dilakukan. Ia adalah semata-mata perkara suci di sisi Allah.

Demikian itulah harga amal salih. Ia merujuk kepada perbuatan orang beraqidah. Adapun orang tidak beraqidah atau yang rosak aqidah, mereka tidak mungkin untuk melazimi amal salih."

| Projek Fathul Barakah 3.0 |

PROJEK FATHUL BARAKAH 3.0 BANTU KEBAJIKAN MUALLAF DI DAERAH TEMBURONG

TEMBURONG, Khamis,
14 Sya'ban bersamaan 17
Mac – Projek Fathul Barakah
3.0 hari ini meneruskan lagi
penyerahan sumbangan
kepada muallaf yang
memerlukan, yang mana
sebanyak 10 buah keluarga
muallaf di Daerah Temburong
telah menerima sumbangan
berupa keperluan harian
secara pandu lalu.

Penyerahan sumbangan
diadakan di Unit Da'wah
Daerah Temburong dan
disempurnakan oleh tetamu
kehormat majlis, Yang
Mulia Awg Abd Aziz bin
Haji Abd Kahar, Penolong
Pengaroh, Pusat Dawah
Islamiah. Ini diselenggarakan
dengan penyerahan poster
tarbiyah iaitu kolaborasi
bersama Bahagian Kajian dan
Penerbitan. Turut hadir ialah Dr
Hjh Rohanita binti Hj Yaakub,
Ketua Bahagian Pembangunan
Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah.



Projek Fathul Barakah 3.0 dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Unit Da'wah Daerah-Daerah dan Persatuan-Persatuan Muallaf Seluruh Negara. Majlis penyerahan hari ini merupakan susulan daripada majlis serupa yang telah diadakan pada 14, 15 dan 16 Mac di Daerah Brunei dan Muara, Belait dan Tutong. Secara keseluruhan, seramai 40 keluarga muallaf yang memerlukan di seluruh negara telah menerima sumbangan dari Projek Fathul Barakah 3.0.

Projek Fathul Barakah 3.0 merupakan salah satu inisiatif Pusat Da'wah Islamiah dengan kerjasama Persatuan-Persatuan Muallaf seluruh negara untuk memberikan peluang kepada orang ramai bersama-sama menyalurkan infaq jariah berupa keperluan harian seperti makanan asasi untuk diberikan kepada asnaf muallaf di seluruh negara bagi menyambut bulan Ramadhan 1443 Hijrah.

Antara tujuan Projek Fathul Barakah 3.0 juga adalah untuk mengeratkan hubungan ukhuwwah antara muallaf dengan Pusat Da'wah Islamiah dalam sama-sama mengunyahkan kerja-kerja berkebajikan untuk kesejahteraan muallaf, khususnya di Negara Brunei Darussalam. Penyerahan ini akan diteruskan oleh Pusat Da'wah Islamiah dan Unit Da'wah Daerah masing-masing dengan berkunjung ke rumah-rumah muallaf.

WUJUDKAN SKIM LATIHAN DA'IE UNTUK MEMPERKASA KUALITI DA'IE-DA'IE

Oleh : Azizah Hidup



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah ketika berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke PDI, KHEU.

PULAIE, Khamis, 21 Sya'ban bersamaan 24 Mac - Konsep meramaikan kakitangan atau pegawai memanglah menjadi kecenderungan biasa tetapi hanya dengan meramaikan tenaga sahaja, belumlah tentu menjamin yang tenaga-tenaga ramai itu akan mampu menggalas tugas-tugas besar, jika tenaga-tenaga tersebut tidak atau kurang berkualiti ertinya, di sini yang penting itu ialah kualiti jua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa berkenan mengadakan Keberangkatan Tidak Berjadual ke Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Oleh itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah menekankan sebelum cadangan meramaikan da'ie berbangkit, sepatutnya da'ie-da'ie yang sedia ada, 'dikelinga' dan diperkasa kualiti mereka terlebih dahulu. Cara untuk menggelinga dan memperkasa adalah seperti mewujudkan skim latihan daie yang membolehkan pegawai yang berkenaan diberikan latihan bagaimana untuk melakukan dakwah dengan berkesan.

Melalui skim tersebut, titah baginda lagi, pegawai yang berpotensi dirancang untuk mengambil ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang dakwah di mana antara metodologi nanti termasuk menemu bual daie yang sudah dikenal pasti sebagai berkualiti sama ada di dalam atau luar negara dan meminta mereka itu mengongsikan pengalaman dan cara bagaimana menyampaikan dakwah yang berkesan serta apa resipi yang perlu bagi tujuan tersebut.

Baginda seterusnya bertitah lagi, apabila calon Doktor Falsafah (PhD) itu lulus dengan tesis yang dihasilkan kaya dengan fakta dan butir-butir kajian, maka tidak ragu lagi individu itu dengan sendirinya akan jadi pakar pendakwah atau akan berperanan selaku guru pembimbing yang bertauliah kepada da'ie yang sedia ada.

Jika ini berlaku, maka tegas baginda barulah dapat ditunggu satu perubahan besar mungkin berlaku ke atas pendakwah-pendakwah dan juga ke atas dunia dakwah sendiri. Dari keadaannya suram kepada berkeadaan terang. Perkara tersebut belum pernah lagi difikirkan sedang dalam PDI sendiri dan baginda yakin, mempunyai tenaga-tenaga yang layak untuk diberi kesempatan mencuba.

Bukan itu sahaja, baginda juga dalam titah, mengambil maklum bahawa KHEU, telah memohonkan penambahan jawatan seramai 195 orang bagi Bahagian Da'wah sahaja untuk merealisasikan keperluan dakwah.

Pusat Da'wah Islamiah (PDI) sebagai salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) berperanan amat penting untuk menentukan syiar Islam menyerlah di negara ini. Justeru, baginda bertitah mengingatkan bahawa tanggungjawab besar itu tidak boleh dielak.

Bahkan, dalam titah, baginda menekankan bahawa PDI belum lagi dapat memenuhi tanggungjawab tersebut kerana beberapa faktor kelemahan masih sahaja membelenggu pusat ini terutama dari sudut penstrukturan jawatan belum dilihat teratur.

Baginda juga maklum bahawa untuk melahirkan pendakwah tempatan berkualiti, KHEU telah mengadakan latihan-latihan formal melalui seminar, forum, kursus, persidangan, lawatan sambil belajar dan juga menghantar da'ie atau penceramah PDI untuk mengikuti program melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bersama negara-negara MABIMS dan lain-lain. ■